

45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI**  
**KAWASAN : SETIAWANGSA**  
**TARIKH JAWAB : 14 NOVEMBER 2017**  
**NO. SOALAN : 28**

**Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [Setiawangsa]** meminta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa saiz pasaran industri halal antarabangsa yang dimonopoli oleh syarikat Malaysia dan apakah perancangan pihak Kementerian untuk memperluaskan lagi pasaran ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Saiz pasaran industri halal antarabangsa dianggarkan bernilai USD2.3 trilion setahun. Daripada jumlah tersebut, sektor makanan halal sahaja bernilai hampir USD700 bilion setahun. Saiz pasaran halal global akan terus berkembang berdasarkan peningkatan kesedaran dan permintaan untuk produk dan perkhidmatan halal daripada 1.8 bilion

penduduk beragama Islam di seluruh dunia. Ini merupakan 23% daripada jumlah penduduk dunia dan dianggarkan meningkat kepada 27% menjelang tahun 2030.

Malaysia merupakan satu-satunya negara yang mengeksport pelbagai produk halal termasuk makanan dan minuman halal serta produk bukan makanan seperti kosmetik, ramuan, barangan dandanan diri dan farmaseutikal. Prestasi eksport halal negara telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dengan eksport bernilai RM15.2 bilion pada tahun 2010 meningkat RM42.2 bilion pada tahun 2016.

Berdasarkan saiz pasaran global bagi produk dan perkhidmatan halal yang begitu besar, potensi untuk syarikat-syarikat Malaysia meluaskan lagi pasaran mereka adalah amat cerah. Negara Pakistan, India dan Bangladesh dengan jumlah penduduk beragama Islam melebihi 500 juta, China (40 juta), Eropah (40 juta) dan Amerika Syarikat (8 juta) merupakan antara pasaran-pasaran baharu yang perlu diterokai.

Walaupun terdapat lebih daripada 7,000 syarikat yang diluluskan pensijilan halal di Malaysia, lebih daripada 80 peratus adalah perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan majoritinya merupakan pengusaha mikro. Syarikat-syarikat ini memiliki keupayaan pengeluaran yang terhad serta sukar memasuki pasaran eksport kerana produk mereka tidak menepati standard yang diperlukan.

47

Tuan Yang Di Pertua,

Pembangunan industri halal negara akan terus diperkasakan mengikut perkembangan semasa, lebih menyerlah dan menjadi salah satu keutamaan di bawah agenda utama ekonomi negara. Sumbangan industri halal kepada ekonomi negara akan dipertingkatkan berdasarkan penyampaian ekuiti sosial dan mengembangkan jejak global halal Malaysia menerusi usaha-usaha pengantarabangsaan.

Fasa ke 3 (2015-2020) bagi Pelan Induk Industri Halal Malaysia (HIMP) bakal memperkenalkan konsep pengantarabangsaan dalam memperluaskan ruang pasaran halal. Pengantarabangsaan merupakan agenda utama di bawah fasa ini dengan objektif utama adalah untuk meluaskan lagi ruang pasaran di peringkat global dan menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam bidang ini.

Perhubungan dua hala berkaitan industri halal akan terus diperhebatkan bagi mencapai tujuan tersebut, antaranya ialah melalui kolaborasi bersama Kerajaan Jepun untuk persiapan menyediakan produk halal menjelang Sukan Olimpik 2020; kerjasama di bawah project "*One Belt One Road*" dengan Kerajaan China bagi meningkatkan perdagangan halal; dan kolaborasi dengan Arab Saudi untuk projek "*Hub to Hub*". Ekosistem halal juga akan diperkukuhkan ke arah menjadikan Malaysia sebagai hab halal dunia menjelang tahun 2020.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 29**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) sama ada Kerajaan bercadang untuk menaiktarafkan Lapangan Terbang Sibu kepada Lapangan Terbang Antarabangsa dan mengendalikan penerbangan antarabangsa ke Singapura, China, Taiwan, Indonesia dan sebagainya memandangkan terdapat permintaan yang tinggi oleh rakyat Sibu; dan
- (b) apakah rancangan Kerajaan untuk menolong menurunkan harga tiket penerbangan dari Sibu ke Kuala Lumpur, Kuala Lumpur ke Sibu, Sibu ke Johor Bahru dan Johor Bahru ke Sibu, serta tiket penerbangan MASWings dari Sibu dan ke Sibu terutamanya pada musim perayaan.

49

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Lapangan Terbang Sibu (LTS) adalah sebuah lapangan terbang berstatus domestik. Walaupun tidak berstatus antarabangsa, LTS masih boleh menerima penerbangan antarabangsa dengan kemudahan-kemudahan yang menyokong kepada penerimaan penerbangan antarabangsa tersebut sama seperti lapangan-lapangan terbang di Sandakan, Kota Bahru dan Ipoh. Lapangan-lapangan terbang domestik termasuk LTS adalah berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan-lapangan terbang antarabangsa lain.

Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission* - MAVCOM) pada 1 Mac 2016 dengan fungsi utama sebagai pengawal selia aspek ekonomi sektor penerbangan awam. Berdasarkan kepada Seksyen 17 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771), salah satu fungsi MAVCOM adalah perlindungan pengguna (*consumer protection*) dimana MAVCOM bertanggungjawab untuk menggalakkan suatu persekitaran yang membenarkan pengguna berhubung dengan industri penerbangan awam bagi mendapat akses dengan cara yang telus kepada pilihan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan pada harga yang berpatutan.

Dalam hubungan ini, MAVCOM akan meneliti dan memantau perkara ini serta seterusnya akan mencadangkan pendekatan yang boleh diambil berhubung harga tiket kapal terbang yang mahal bagi laluan-laluan tersebut pada waktu musim perayaan.

Berhubung perkhidmatan yang disediakan oleh MASwings ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak, kadar tambang yang dikenakan adalah berdasarkan harga siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Bagi mengurangkan beban rakyat di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak, Kerajaan telah bersetuju supaya perkhidmatan pengangkutan penumpang udara domestik kelas ekonomi bagi laluan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) di Sabah, Sarawak dan Labuan dikecualikan daripada bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax – GST*).

Kerajaan melalui MAVCOM juga telah memuktamadkan kajian semula ke atas perkhidmatan RAS yang turut merangkumi kajian terhadap penetapan kadar tambang bagi perkhidmatan tersebut. Kajian tersebut antara lain akan menambahbaik mekanisma penetapan siling kadar tambang dengan penetapan satu kadar tambang tanpa caj-caj lain yang dikenakan oleh MASwings seperti surcaj bahan api (*fuel surcharge*).

Selain daripada itu, pihak MASwings sendiri turut mengadakan promosi pengurangan harga tambang bagi laluan yang dioperasikan oleh pesawat ATR72-500 seperti *Mid Year Deals* yang boleh didapati daripada semua saluran penjualan tiket kapal terbang MASwings termasuk melalui laman web dan agen untuk memudahkan penumpang.

Sekian, terima kasih.